

Tindakan SAPP tak jejas BN

BM 22/6/08 M/S 3

Oleh YUSRI SAHAT
dan ALI MAHMOOD

MARAN 21 Jun - Tindakan wakil rakyat Parti Maju Sabah (SAPP) yang merancang untuk membentangkan usul tidak percaya terhadap Perdana Menteri di Dewan Rakyat, tidak akan memberi kesan kepada parti komponen lain dalam Barisan Nasional (BN), kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, kekuatan BN tidak tergugat sama sekali walaupun beberapa pemimpin SAPP cuba memberi tekanan kepada parti pemerintah itu.

"Kita sentiasa memantau keadaan ini dan saya difahamkan mereka (pemimpin komponen BN) memberi sokongan kepada Perdana Menteri dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan penubuhan Pusat Pembelajaran Sains (PPS) di sekolah menengah harian berasrama bagi pelajar Felda dan luar bandar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jengka 2 dekat sini hari ini.

Beliau mengulas rancangan wakil rakyat SAPP untuk mengemukakan usul tidak percaya terhadap kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ekoran pendirian Majlis Tertinggi (MT) parti itu semalam untuk menyokong cadangan tersebut.

Kelmarin, Dewan Tertinggi BN mengadakan mesyuarat tergempar membincangkan pengisytiharan Presiden SAPP, Datuk Yong Teck Lee mengenai cabaran terhadap kepimpinan Abdullah.

Perdana Menteri yang mempengerusikan mesyuarat itu memberitahu, BN hanya akan

mengambil tindakan terhadap SAPP setelah mendapat surat daripada MT parti itu berhubung kenyataan Teck Lee.

Ekoran itu juga, BN memberi amaran kepada dua Ahli Parlimen SAPP, Datuk Dr. Chua Soon Bui (BN-Tawau) dan Datuk Eric Mujimbun (BN-Sepanggar) yang mahu meneruskan cadangan membentangkan usul undi tidak percaya kepada Abdullah pada sidang Dewan Rakyat, Isnin ini.

Mengulas lanjut, Najib yang juga Timbalan Pengerusi BN menegaskan, pihaknya menolak andaian tindakan SAPP itu ada kaitan dengan dakwaan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim kononnya ada parti komponen BN bakal menyertai Pakatan Rakyat tidak lama lagi.

"Kita tidak tahu lagi kerana mereka (SAPP) tidak membuat keputusan untuk keluar daripada BN," katanya.

Menerusi mesyuarat MT SAPP semalam, tambah beliau, parti itu tidak mengambil keputusan untuk menyertai pakatan pembangkang.

Dalam pada itu, Najib menegaskan, BN juga tidak tertekan dengan tindakan yang dilakukan oleh SAPP itu.

Sebaliknya, jelas beliau, BN perlu bertindak bijak dalam menangani segala kemelut yang ditimbulkan sama ada dari dalam atau di luar parti.

"Kita tidak mahu orang luar melihat menerusi persepsi mereka bahawa keutuhan BN terancam walaupun pada hakikatnya BN mempunyai majoriti yang cukup untuk memerintah.

"Selain tindakan SAPP, kita berdepan dengan persepsi rakyat dan orang luar terhadap BN. Ini semua mesti kita tangani," jelasnya.



NAJIB Tun Razak menyampaikan Anugerah Sekolah Cemerlang peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) 2007 kepada Pengetua SMK Chini, Abdul Razak Mohamad selepas melancarkan PPS di sekolah menengah harian berasrama bagi murid Felda dan luar bandar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jengka 2 di Maran, semalam.